

**ANALISIS PENSEJARAHAN KARYA KRITIKAN HASAN KÂFÎ TERHADAP  
PENTADBIRAN TENTERA TURKI OSMANLI BERMULA ABAD KE 16 HINGGA  
AWAL KE 17 DAN PENGENALAN KONSEP JIHAD ULAMA BOSNIA ERA  
PERTENGAHAN**

Amer Hudhaifah bin Hamzah<sup>1</sup>, Wan Kamal Mujani<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah,  
amerukun@ums.edu.my

<sup>2</sup>Profesor, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, inawan@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v1i1.5203>

**Abstrak**

Jihad merupakan aktiviti paling aktif yang dijalankan kerajaan Turki Osmanli sebagai kaedah dakwah terutama sekali di wilayah-wilayah Kristian di benua Eropah. Tetapi, beberapa sultan Osmanli dikaburi kemewahan dunia setelah berjaya menakluk kota *Constantinople* pada 1453. Hal ini mengundang kritikan dari ulama Bosnia, Hasan Kâfi el-Akhisârî. Justeru penelitian bertujuan menganalisis kritikan beliau terhadap aspek ketenteraan kerajaan Osmanli menerusi kitab *Usul al-Hikam fi Nizam al-‘Alam*. Kajian ini berbentuk deskriptif dan dianalisis secara kualitatif. Tahapan-tahapan kajian boleh diringkaskan seperti berikut: 1) pembacaan teks karya, 2) menyorot aspek-aspek penting, dan 3) membandingkannya dengan rujukan utama sejarah Osmanli. Hasilnya, dapat difahami jihad dan pentadbiran tentera bagi Hasan Kâfi merupakan manifestasi penghayatan ayat-ayat suci al-Qur’an, al-Sunnah dan ungkapan hikmah. Jihad bertujuan merealisasikan keadilan sejagat. Menerusi sistem jihad, sultan diberi mandat ilahi sebagai *Nizam al-‘Alam*. Tetapi kepincangan yang terjadi pada 1595 menunjukkan wujudnya kelemahan dalam institusi pentadbiran kerajaan. Aspek ketenteraan, Hasan Kâfi menekankan kepentingan pemantauan kesiapsiagaan tentera secara berkala. Perkembangan teknologi persenjataan musuh perlu disaingi bagi mengelakkan tentera Islam ketinggalan dalam menggunakan senjata moden. Jika sultan memasuki medan tempur, baginda seharusnya tidak meninggalkan panji selain perlu berstrategi mengaburi pihak musuh. Pemimpin tentera harus sentiasa memupuk sifat sabar, teguh dan berani dalam hati anggotanya. Hasan Kâfi sangat menekankan soal iman sebagai faktor kejayaan kerana beliau melihat kemenangan (الظفر) berkait rapat dengan pertolongan dari Allah s.w.t. Justeru beliau menjadikan teras keduanya adalah kebaikan (الصالح) dan ketakwaan (التقوى). Sebaliknya keingkaran (العصيان) dan melampaui batas (البغي) diletakkan sebagai faktor kegagalan. Beliau juga mengatakan gencatan senjata adalah baik dan memerangi orang yang meminta perlindungan adalah suatu kesalahan terbesar seorang ketua tentera.

**Kata Kunci:** Jihad, Pentadbiran tentera Osmanli, Yeñiçeri, Ulama Bosnia-Herzegovina zaman pertengahan, sejarah Eropah Timur.

### Abstract

Jihad was the most active endeavor conducted by the Ottoman Turkish government as a method of proselytization, particularly in the Christian territories of Europe. However, several Ottoman sultans became enamored with worldly luxuries after successfully conquering the city of Constantinople in 1453. This invited criticism from Bosnian scholar Hasan Kâfi el-Akhisârî. Therefore, this study aims to analyze his critique of the Ottoman military aspects through his work *Usul al-Hikam fi Nizam al-<sup>c</sup>Alam*. The study is descriptive in nature and analyzed qualitatively. The stages of the study can be summarized as follows: 1) reading the text of the work, 2) highlighting important aspects, and 3) comparing them with the main references of Ottoman history. As a result, it is understood that, for Hasan Kâfi, jihad and military administration were manifestations of the teachings of the holy verses of the Qur'an, the Sunnah, and wise sayings. Jihad aimed to realize universal justice. Through the system of jihad, the sultan was given divine mandate as *Nizam al-<sup>c</sup>Alam*. However, the disarray that occurred in 1595 indicated weaknesses within the government administration. Regarding military aspects, Hasan Kâfi emphasized the importance of periodic monitoring of military readiness. He argued that the development of enemy weapon technology must be matched to prevent Islamic armies from falling behind in using modern weaponry. If the sultan entered the battlefield, he should not leave his banner and must strategize to deceive the enemy. Military leaders should constantly foster patience, steadfastness, and bravery in the hearts of their soldiers. Hasan Kâfi placed significant emphasis on faith as a factor of success, believing that victory (الظفر) was closely tied to the help of Allah S.W.T. Therefore, he considered that the core principles were goodness (الصلاح) and piety (التقوى). Conversely, disobedience (العصيان) and transgression (البغي) were seen as factors of failure. He also stated that a ceasefire was good and that fighting those seeking refuge was one of the greatest errors a military leader could commit.

**Keywords:** Jihad, Ottoman military administration, Janissaries, Bosnian-Herzegovinian scholars of the medieval period, Eastern European history.

## 1. Pendahuluan

Jihad yang merupakan kata terbitan dari *جَهَدَ يَجْهَدُ* bermaksud bersikap serius dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu. Oleh itu, 'Jihad' جهاد yang merupakan *masdar* (kata dasar) perkataan *جَاهَدَ يُجَاهِدُ* memberi maksud “bersungguh-sungguh dalam memerangi musuh”. (Ibrahim Mustafa et. al. 2004) Dalam sejarah penyebaran Islam, jihad merupakan salah satu dari beberapa pendekatan yang digunakan untuk melaksanakan misi da'wah. Pensyariatannya bermula apabila diturunkan ayat “أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ بِأَنفُسِهِمْ ظُلْمًا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ” [al-Hajj: 39] yang membenarkan Nabi s.a.w berserta para sahabat Baginda berjihad menentang kezaliman Kafir Quraysh ke atas mereka selepas penghijrahan mereka ke Madinah. (al-Wahidi, 1992: 309) Semasa zaman kekuasaan kerajaan Osmanlı (*Devlet-i 'Alīye-i 'Osmānīye*), jihad telah menjadi antara kegiatan yang paling aktif dijalankan terutamanya di bahagian Eropah. Hal ini mengakibatkan persepsi buruk sebahagian masyarakat Eropah terhadap metodologi penyebaran Islam yang dikatakan “*spread by the sword*”.

Semenjak peringkat awal sejarah Osmanlı lagi, mereka lebih banyak menumpukan kepada pembukaan kota-kota dan wilayah baharu sebagai suatu cara menyebarkan agama Islam. Kerana itu, dasar perluasan kuasa Osmanlı yang agresif selepas penggabungan Karesi *beglik* dan Çanakkale pada 1334 lebih menumpukan kawasan-kawasan di sebelah barat Anatolia di benua Eropah. Mehmet Maksudoglu berkata:

*“His ultimate aim being ‘kefereyi kam ve Muslimini jem’ (to subdue the infidels and to unite the Muslims), Orhan Ğazi seriously contemplated the idea of crossing the sea of Marmara and spreading Islam on its other side. But it is important to note that he did not think of expanding his territory at the expense of other Muslim begliks in Anatolia”.* (Mehmet Maksudoglu, 1999: 24-25)

Di sepanjang sejarah penaklukan Osmanlı, dasar penaklukan yang diamalkan ialah “حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ” yang bermaksud: “sehinggalah sampai kepada mereka seruan Allah” [al-Tawbah: 6]. Dasar ini dapat dilihat secara jelas dalam wasiat Osman Ğazi kepada anaknya Orhan Ğazi. Beliau berkata:

يا بني، إياك أن تشتغل بشيء لم يأمر به الله رب العالمين، وإذا واجهتك في الحكم معضلة فاتخذ من مشورة علماء الدين موثلاً. يا بني، أحط من أطاعك بالاعزاز، وانعم على الجنود، ولا يغرنك الشيطان بجندك وبمالك، وإياك أن تتباعد عن أهل الشريعة. يا بني، إنك تعلم أن غايتنا هي إرضاء الله رب العالمين، وأن بالجهاد يعم نور ديننا كل الآفاق، فتحدث مرضاة الله جل جلاله. يا بني، لسنا من هؤلاء الذين يقيمون الحروب لشهوة حكم أو سيطرة أفراد، فنحن بالإسلام نحيا وللإسلام نموت. وهذا يا ولدي ما أنت أهل له

Maksudnya: “Wahai anakku, janganlah engkau sibukkan dirimu dalam perkara-perkara yang Allah, tuhan sekalian alam ini, tidak

perintahkan. Apabila kamu berhadapan dengan kemusykilan dalam pemerintahan, maka pertimbangkanlah pandangan-pandangan ulama agama. Wahai anakku, jagalah orang-orang yang mentaatimu dengan kemuliaan, berilah kepada tentera-tentera itu kenikmatan dan janganlah kamu tertipu dengan syaitan atas kekuatan tentera dan melimpahnya hartamu. Berjaga-jagalah agar engkau tidak menjauhi ahli syariat. Wahai anakku, kamu mengetahui bahawa tujuan kita adalah keredaan Allah, tuhan sekalian alam, dan Jihad akan menyebarkan cahaya agama kita keseluruh ufuk sehingga terjadilah keredaan Allah *jalla jalaluhu*. Wahai anakku, kita bukan seperti sebilangan mereka yang menggerakkan peperangan kerana keinginan memerintah dan menguasai rakyat. Dengan Islam kita hidup dan kerana Islam juga kita mati. Inilah wahai anakku apa yang sedang engkau pikul”. (Muhammad Harb, 1994: 12)

Perasaan yang sama ini juga diwariskan oleh baginda kepada anaknya, Suleyman Paşa sehingga apabila baginda menyatakan hasratnya untuk merentas selat Dardanelles (*Çanakkale Boğazi*) bagi meluaskan wilayahnya ke sebelah Eropah, Suleyman Paşa menjawab:

*“If you order me, your humble servant, I will cross the sea by the grace of Allah dan the miraculous help of the Final Messenger. I will remove the darkness of disbelief in those areas and enlighten them by the light of Islam”*. (Mehmet Maksudoglu, 1999: 25)

Walaupun seabad selepas kematian Osman Ğazi, nada yang sama masih didengari apabila Sultan Fatih mengucapkan bayt-bayt puisi yang terkenal ini bagi menggambarkan dasar perjuangannya semasa membuka *Constantinople* pada tahun 1453:

*Imtisal-i ‘Jahidu Fillah’ olubdur niyyetum*

*Din-i Islamun mujerred gayretudur gayretum*

*Fadl-i Hakk u hummet-i Jund-i Rijalullah ile*

*Ehl-i kufri ser te ser kahr eylemekdur niyyetum*

Maksudnya: *“My intention and determination are to comply with Allah’s order: strive and fight in the way of Allah (s.w.t.). All my efforts are only for the sake of the Islamic religion. I try my best to enhance the Muslims. By the grace of Allah and by the spiritual help of an army of the great Muslims (many shaykhs of Sufi orders) I am resolute to destroy the unbelievers before and after”*. (Mehmet Maksudoglu, 1999: 88)

Mungkin kerana niat yang suci yang digambarkan Sultan Fatih dalam operasi ketenteraan ini, maka baginda bersama-sama tenteranya layak mendapat penghormatan yang telah diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis Baginda:

لنتفحن القسطنطينية، فلنعم الأمير أميرها ولنعم الجيش ذلك الجيش

Maksudnya: “Pastinya kamu akan membuka *Constantinople*, maka sebaik-baik pemimpin (kamu ketika itu) adalah pemimpinnya dan sebaik-baik tentera adalah tenteranya”.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa dasar perjuangan pengganti-pengganti sultan Osmanlı kadang kala menjadi kabur kerana terpengaruh oleh kemewahan dan hawa nafsu, terutamanya sewaktu dipimpin oleh Sultan Salem II yang merupakan sultan Osmanlı pertama kelahiran *Constantinople* pada tahun 1524. Hal ini boleh dilihat berdasarkan catatan salah seorang ulama Bosnia-Herzegovina yang bernama Hasan Kâfi el-Akhisârî (juga dikenali sebagai Hasan *Kafija* Prušćak) yang hidup pada zaman pertengahan. Dalam catatan tersebut, beliau telah menegur pihak pemerintah dan ketua tentera Osmanlı kerana kepincangan dan pelanggaran hukum syarak yang telah dilakukan, khususnya semasa menjalankan operasi jihad di wilayah-wilayah Kristian di Eropah.

## 2. Metodologi kajian

Kajian ini berkait rapat dengan penyelidikan Sejarah yang dilaksanakan menerusi penelitian teks. Oleh kerana ia merupakan kajian pemikiran selain tidak didapati sebarang pertikaian berkenaan pengarang karya *Usul al-Hikam* dan kredibiliti beliau dalam mengulas prestasi kerajaan Osmanlı, terutama sekali kondisi tentera di persempadanan wilayah Islam, justeru penelitian sudah melangkaui beberapa peringkat Historiografi seperti pengumpulan sumber dan proses Heuristik seperti yang dicadangkan Hasan ʿUthman dalam bukunya *Manhaj al-Baḥth al-Tarikhi* (t.th) dan Dudung Abdurrahman dalam *Metode Penelitian Sejarah* (1999). Secara ringkas, kajian pemikiran-pensejarahan yang dijalankan secara deskriptif ini akan melalui beberapa proses yang bersifat kualitatif, iaitu:

- a) Melakukan pembacaan terhadap teks *Usul al-Hikam*
- b) Menyorot aspek-aspek penting dari karya tersebut untuk dilihat konteksnya

Akhir sekali memandangkan Hasan Kâfi cenderung untuk tidak mendedahkan secara eksplisit apakah masalah yang cuba dikritik, justeru penyelidikan terpaksa sedaya upaya untuk mentafsirkannya berdasarkan rekod sejarah dari buku-buku sejarah Osmanlı berbahasa Turki seperti tulisan Yılmaz Öztuna (1988) dan Muhammad ʿAkif Aydın et. al (1999). Elemen yang ditekankan adalah aspek ketenteraan yang sangat menonjol dalam perbincangan beliau dan

---

<sup>1</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hakim dan hukumnya adalah sahih seperti yang dinyatakan oleh al-Hakim. (Abu Muhammad, 2000: 513)

pengkaji memberi penekanan yang khusus terhadap unsur masa dan tempat agar tidak terjadi Anakronisme dalam penelitian Sejarah yang dilakukan.

### 3. Hasil kajian

Hasil daripada penelitian kualitatif terhadap kitab Usul al-Hikam, beberapa dapatan yang akan dikemukakan antaranya, 1) biografi Hasan Kâfi el-Akhisârî, 2) pengenalan terperinci mengenai Usul al-Hikam, 3) keterangan deskriptif pandangan Hasan Kâfi jihad dan yang terakhir, 4) kritikan-kritikan beliau terhadap kelemahan pentadbiran tentera Osmanlı ketika itu.

#### 3.1 Biografi Hasan Kâfi el-Akhisârî/Prušćak

Dalam bukunya berjudul *al-Jawhar al-Asna*, Mehmet Handzic telah meriwayatkan biografi Hasan Kâfi berdasarkan sebuah manuskrip karangannya sendiri yang diberi judul *Nizam al-Ulama ila Khatam al-Anbiya*. Menurut Beliau, Namanya adalah Hasan ibn Turhan ibn Davut ibn Ja'kub el-Akhisârî. (Mehmet Handzic, 1992: 61-62) 'Kâfi' atau dalam bahasa Bosnia disebut sebagai *Kafija* merupakan nama pena (*nom de plume*) yang selalu digunakan dalam penulisannya.

Hasan Kâfi dilahirkan di Prusac<sup>2</sup> pada bulan Ramadan tahun 951 hijrah bersamaan November 1544 masihi. Beliau memulakan pengajian ilmunya agak lewat iaitu ketika berumur 12 tahun. Setelah kira-kira 10 tahun belajar di tempat asalnya, beliau menyambung pelajarannya di Istanbul, Turki pada akhir tahun 1566. Di Istanbul, Hasan Kâfi berguru dan berkhidmat dengan ramai ulama Istanbul zaman itu seperti Imam Kemal Paşazâde, Munla Ahmed el-Ansârî dan Mir Ğazanfer ibn Huseyn. Pada tahun 1575, Hasan Kâfi telah pulang ke kampung halamannya dan mengajar untuk beberapa ketika di Bosnia. Dalam pada itu, beliau turut menghasilkan beberapa karya seperti *Risalah fi Tahqiq Lafz Çelebi*, *Mukhtasar al-Kafi min al-Mantiq*, *Hadiqat al-Salah* dan lain-lain. Apabila Shaykh al-Islam, Kâdizade Ahmed Şemseddin Efendi mengeluarkan waran siasat kepada pemimpin-pemimpin agama (*kâdî*) tempatan bagi menyelesaikan masalah ajaran sesat Tariqat *al-Hamzawiyah*<sup>3</sup> yang tersebar di utara Bosnia pada tahun 1578, Hasan Kâfi telah

---

<sup>2</sup> Prusac merupakan sebuah perkampungan yang terletak di daerah Bosnia Tengah (Central Bosnia Canton), di bahagian barat Sarajevo. Ia pernah dikenali sewaktu zaman kekuasaan Osmanlı di Bosnia-Herzegovina sebagai 'Akhisar', berbeza dengan Akhisar yang terletak di daerah Manisa di sebelah barat Turki. (S. Mostras, 2002: 81) Prusac yang dikenali sebagai Akhisar (bermaksud 'istana putih' dalam bahasa Osmanlıca) merupakan kawasan yang menyaksikan banyak kelahiran sasterawan dan ulama, di samping menjadi tempat perkumpulan terbesar umat Islam Bosnia-Herzegovina dalam perayaan Hari Ajvatovica pada bulan Jun setiap tahun. Setelah pemerintahan beraja dimansuhkan di Yugoslavia dan ditukar menjadi negara republik (*Federal People's Republic of Yugoslavia*) pada 1946, perarakan keagamaan ini telah dilarang. Walau bagaimanapun, perayaan ini telah diperbaharui pada tahun 1990 sehingga menjadi antara daya tarikan pelancongan dan ritual keagamaan terbesar di Bosnia-Herzegovina.

<sup>3</sup> *Al-Tariqah al-Hamzawiyah* merupakan sebuah tarikat yang diasaskan oleh Hamzah al-Busnawi yang berasal dari Zvornik, sebuah bandar berdekatan sungai Drina, Timur Laut

membantu *Kâdi* Bali Efendi dalam menyelesaikan masalah tersebut. Tidak berapa lama setelah itu, Hasan Kâfi memulakan kariernya sebagai *kâdi* di beberapa daerah di Bosnia antaranya adalah *Syrmia/Srijem* (istilah lama merujuk kepada wilayah yang terletak di sebelah utara Bosnia, barat laut Serbia dan timur laut Croatia) dan Prusac yang merupakan tempat asalnya.

Semasa menjalankan kerja-kerja penulisan dan menjadi *kâdi*, Hasan berpeluang mengerjakan haji pada tahun 1591. Dalam perjalanan ke Mekah tersebut, Hasan Kâfi menyelesaikan sebuah karya dalam bidang Usul al-Fiqh iaitu *Samt al-Wusul ila ʿIlm al-Usul*. Maka apabila tiba di Mekah, Hasan mempersembahkan karyanya itu kepada ulama-ulama al-Haramayn antaranya adalah guru beliau sendiri iaitu Mir Ğazanfer yang mengajar di Madinah. Dalam perjalanan pulang, Hasan Kâfi bersinggah di Istanbul. Di sana, beliau turut mempersembahkan karyanya kepada ulama-ulama terkenal Istanbul dan menerima cadangan agar menulis *sharh* untuk karya tersebut. Setibanya di Bosnia, Hasan kembali menggalas jawatan *kâdi* di wilayah-wilayah sekitar Prusac.

Tatkala berlakunya krisis yang beliau namakan sebagai '*Fitnat al-Ardal wa al-Qaral*<sup>4</sup> pada tahun 1593, Hasan Kâfi meletakkan jawatannya sebagai *kâdi* dan meluangkan sepenuh masanya mengajar pelbagai ilmu agama di samping menulis *Sharh Samt al-Wusul* (bermula tahun 1595). Dalam waktu yang sama, beliau turut memulakan penulisan yang berjudul *Usul al-Hikam fi Nizam al-ʿAlam* yang membincangkan disiplin dalam mentadbir negara dan cara-cara menguruskan tentera. Seterusnya pada 27 Ogos 1596, Hasan Kâfi telah keluar menyertai operasi ketenteraan Osmanli yang diketuai oleh Sultan Mehmed III bagi mengepung kota Eger di utara Hungary. Kota itu akhirnya berjaya dibuka selepas lebih sebulan dikepung (11 Oktober 1596). Seterusnya pada 26 Oktober, tentera Osmanli berjaya menumpaskan tentera pakatan Habsburg-Transylvania di perkampungan Mezökeresztes (kira-kira 40 km di tenggara Eger). Bersempena kemenangan tentera Osmanli yang gemilang ini, Hasan Kâfi mempersembahkan bukunya yang bertajuk

---

Bosnia-Herzegovina. Ia mengamalkan agama campuran yang menggabungkan antara aqidah Islam dan Kristian Bogomils. Kebanyakan penganut ajarannya adalah orang-orang yang baru memeluk agama Islam di Bosnia. Pengamal tarikat ini percaya bahawa aqidah Islam dan Kristian Bogomils kedua-duanya benar, berdasarkan persamaan mutlak antara Nabi Muhammad s.a.w dan Nabi Isa a.s seperti yang dinyatakan dalam ayat: (لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ) [al-Baqarah: 285]. Selain itu, mereka turut mempercayai *Wihdat al-Wujud* seperti beberapa tarikat yang lain dan turut mengagungkan Hamzah al-Busnawi secara melampau. Walaupun mula diasas dan diamalkan di Budapest, Hungary, namun tarikat ini lebih luas tersebar di Posavina, sebuah kawasan di sekitar sungai Sava di utara Bosnia. Ajaran ini kemudiannya tersebar lebih luas sehingga ke Serbia dan kebanyakan kawasan di Balkan.

<sup>4</sup> Istilah ini merupakan suatu istilah yang kabur dan kurang dibincang oleh para sarjana. Ia mungkin kerana perkataan الأردل dan القرال itu sendiri bukan berasal dari Bahasa Arab. Selain Muhammad al-Arna'ut yang mengaitkan perkataan الأردل dengan perkataan *Erdel* (dalam bahasa Turki) yang merupakan nama lain Transylvania dan sekaligus mengaitkan krisis yang dimaksudkan dengan pengkhianatan Transylvania terhadap perjanjian persefahaman mereka dengan kerajaan Osmanli pada tahun 1593. Walau bagaimanapun, Muhammad al-Arna'ut tidak membincangkan langsung maksud perkataan القرال. (Muhammad al-Arna'ut, 2010: 83)

*Usul al-Hikam fi Nizam al-ʿAlam* ini kepada wakil-wakil sultan Osmanlı yang terdiri daripada para ulama dan menteri. Dengan itu, mereka telah mencadangkan kepada beliau agar mensharahkannya ke dalam *Osmanlıca* (bahasa Osmanlı) untuk dipersembahkan kepada sultan, di samping menggesanya agar terus menggalas jawatan *kâdî* di Prusac.

Setelah kira-kira seminggu dari hari ‘kemenangan’ tersebut, beliau pulang ke Prusac dan meneruskan jawatannya sebagai *kâdî* selain turut menulis *sharh Usul al-Hikam*. Setelah itu, pada bulan Mac 1597, Hasan Kâfi sekali lagi melepaskan jawatannya untuk pergi ke Istanbul bagi mempersembahkan karya yang telah selesai dikarang kepada Sultan Mehmed III. Apabila karya tersebut sampai ke tangan *Sadrâzam* Ibrahim-paşa (semasa pemerintahannya untuk kali ke-2 antara 5 Dec. 1596-3 Nov. 2597), beliau membawa karya tersebut bersama beberapa karya Hasan Kâfi yang lain kepada sultân dan baginda membacanya. Sebagai berterima kasih, baginda telah membuat catatan agar Hasan diberi jawatan kekal sebagai *Kadiluk* Prusac selain diberi pencen dengan syarat mengajar. (Ante Čuvalo, 2010: 201)

Hasan Kâfi wafat pada 12 Shaʿban 1025 bersamaan 27 Ogos 1616. Selama 19 tahun memegang jawatan *kâdî* di Prusac sebelum kewafatannya, Hasan berkesempatan menulis beberapa karya seperti *Nizam al-ʿUlamaʿ ila Khatam al-Anbiyaʿ* dan menyunting sebilangan karyanya yang lain seperti *Tamhis al-Talkhis* dan *Rawdat al-Jannat fi Usul al-ʿItiqad*. Selain itu, beliau juga membuka penempatan baharu tidak jauh dari Prusac yang dikenali sebagai Benûâbâd (بنوآباد). Di kampung tersebut, Hasan Kâfi membina masjid, sekolah, *maktab* (sekolah) kanak-kanak, *tekye* untuk perkumpulan zikir, *hân* (bilik tumpangan) untuk golongan musafir dan *hamâme*. Bagi melengkapkan keperluan penempatan tersebut, beliau membina saluran air untuk kegunaan harian. Di perkampungan itu, Hasan Kâfi mengadakan halaqah-halaqah pengajian. Walau bagaimanapun, Mehmet Handzic mengatakan kawasan tersebut tidak lagi didiami pada zaman beliau pada tahun 1930. Makam Hasan terletak di bawah kubah berhampiran masjid yang telah dibinanya. (Mehmet Hanzic, 1992:70)

Mehmet Handzic menceritakan, Hasan Kâfi telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai *kâdî* dengan baik dan adil. Selain itu, beliau juga terkenal sebagai seorang yang warak dan bersikap zuhud terhadap kemewahan dunia. (Mehmet Handzic, 1992: 69) Walaupun Hasan Kâfi mempunyai keperibadian yang sangat lembut dan sering bersangka baik, namun beliau terkenal kerana benci terhadap kelompok dan golongan sufi yang sentiasa mencari kekeramatan dan keajaiban dalam ibadah mereka. Ini kerana bagi beliau, mengikut serta dalam kerja-kerja yang memberi manfaat yang nyata termasuk menyertai peperangan, mengajar dan membuat kerja-kerja kebajikan kepada masyarakat adalah lebih baik. Hasan Kâfi hidup dalam dua zaman kekuasaan Osmanlı, iaitu:

- 1) zaman kemuncak kegemilangan (1544-1566) dan,
- 2) zaman kemerosotan (1567-1616).

Berbeza dengan ulama-ulama yang lain, Hasan Kâfi telah menyedari bibit-bibit kelemahan yang berlaku semenjak zaman Sultan Suleyman Kanuni lagi. Sehubungan itu, beliau menulis karya *Usul al-Hikam fi Nizam al-<sup>c</sup>Alam* sebagai suatu pendekatan tidak langsung tetapi tegas dalam menegur para pemerintah yang dilihatnya mula terpesong dari landasan dan acuan Islam. Pada hari ini, karya *Usul al-Hikam fi Nizam al-<sup>c</sup>Alam* boleh didapati dalam bentuk manuskrip yang tersimpan di beberapa repositori seperti perpustakaan Universiti Princeton di New Jersey, Leipzig dan Dresden di Jerman dan Muzium British di London. Naskhah-naskhah ini telah dikumpul oleh Novan dan dijalankan kajian Tahqiq dan diterbitkan pada 1986 oleh pihak penerbit Universiti Jordan (*al-Jami<sup>c</sup>ah al-Urduniyyah*).

### 3.2 Karya *Usul al-Hikam fi Nizam al-<sup>c</sup>Alam*

Hasan Kâfi merupakan seorang penulis yang prolifik, ahli seni, bahasa selain turut berkecimpung dalam bidang sains sosial. Kepelbagaian bidang ini boleh dilihat menerusi karya-karyanya yang telah dihasilkannya. Karya Hasan Kâfi yang berjudul *Usul al-Hikam fi Nizam al-<sup>c</sup>Alam* ini walaupun bukan sebuah karya yang panjang berjela, tetapi objektif yang menjadi asas kepada penghasilan karya ini begitu besar sehingga menarik minat para pembesar Osmanli untuk menantikan terjemahannya ke dalam bahasa Osmanlica sebelum dipersembahkan kepada sultan. (Haji Khalifah, 1941: 114) Sehubungan itu, karya ulasannya ditulis dalam bahasa tersebut. Ia kemudiannya turut diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa asing seperti bahasa German dan Perancis. (Novan, 1986: 7) Selain itu, antara faktor karya penulisan ini dianggap hebat dan gagah adalah kerana dalam kehalusan bahasa yang digunakan. Hasan Kâfi melalui karya ini kelihatan begitu tegas mendepani kuasa sultan sebagai seorang pengkritik yang mengharapakan kebaikan terhadap pemerintahan Osmanli.



**Rajah 1:** Salinan digital manuskrip *Sharh Usul al-Hikam* yang tersimpan di Perpustakaan Gazi Husrev beg, Sarajevo

Seperti yang telah dinyatakan, karya ini bukanlah karya yang panjang berjela kerana Hasan Kâfi dilihat begitu menitikberatkan konsep *Ijaz* dan *Ikhtisar* dalam mempersembahkan pandangannya kepada seorang pemerintah yang secara logiknya boleh dianggap begitu sibuk untuk meluangkan masa bagi membaca tulisan yang panjang. Mengenai hal ini, beliau berkata:

أن أكتب مختصرا مفيدا في هذا الباب يشتمل على كلمات من جوامع الكلم في تجديد قواعد النظام

Maksudnya: “untuk aku menulis sebuah karya ringkas yang berfaedah dalam isu ini, mengandungi beberapa kalimat yang mendalam maknanya bagi memperbaharui perincian-perincian dalam sistem (pemerintahan)”. (Hasan Kâfi, 1986: 19)

Dalam karya *Usul al-Hikam*, Hasan cuba menagani isu-isu sosial dan politik yang dihadapi oleh kerajaan Osmanli dengan menyediakan pelbagai andaian mengenai punca masalah kerajaan dan mencadangkan penyelesaiannya. Sehubungan itu, karya dibahagikan kepada beberapa bahagian dan bab berdasarkan objektifnya yang tersendiri iaitu:

1. Muqaddimah Menerangkan objektif keseluruhan yang ingin dicapai dari penulisan karya ini, fitrah alam semesta yang telah Allah s.w.t tetapkan berdasarkan hikmah-Nya dengan menjadikan manusia sebagai makhluk yang beranak-pinak dan hidup bersosial dan pembahagian manusia kepada 4 golongan iaitu: *Sinf li al-Sayf*, *sinf li al-Qalam*, *sinf li al-Harth* dan *sinf li al-Hirfah wa al-Tijarah* berserta tugas-tugas mereka.
2. al-Asl al-Awwal Membincangkan hal-hal berkenaan tanggungjawab seorang pemerintah seperti melaksanakan keadilan, memberi amanah (kerja dan tugas) kepada orang yang berkelayakan, mendampingi ulama' dan bersifat belas kasihan terhadap rakyat. Bahagian ini juga menerangkan kepentingan posisi orang-orang yang mendampingi sultan seperti para menteri dan *sadrizam*.
3. al-Asl al-Thani Membincangkan kepentingan syura, memutuskan sesuatu keputusan yang besar secara kolektif, mengambil kira pandangan ilmuan dan ulama dan pengurusan masalah yang baik. Ia juga menyebut beberapa perkara yang akan mengganggu keputusan syura dan pengurusan yang baik seperti agenda peribadi dan terlalu mengikut hawa nafsu.

4. *al-Asl al-Thalith* Bahagian ini secara khususnya membincangkan berkenaan kepentingan kelengkapan persenjataan dalam peperangan, latihan dan pemantauan dari ketua tentera dan kesetiaan di medan perang. Selain itu, ia turut membincangkan beberapa hal berkenaan urusan tadbir dalam peperangan di samping nasihat-nasihat yang berguna dari penulis.
5. *al-Asl al-Rabi'* Menerangkan punca-punca kemenangan, pertolongan dari Allah s.w.t dalam peperangan dan punca-punca kekalahan. Selain itu, ia juga mengandungi kritikan terhadap kondisi pentadbiran tentera Osmanlı pada zaman kemerosotan kerajaan Osmanlı seperti yang disaksikan sendiri olehnya.
6. *Khatimah* Menerangkan kepentingan masalah-masalah berkaitan perjanjian damai dan gencatan senjata. Karya ini kemudiannya ditutup dengan dua bayt syair, doa kesejahteraan pemerintahan Islam yang diwakili oleh kerajaan Osmanlı di Istanbul dan kolofon.

### **3.3 Jihad dan Pentadbiran Tentera Menurut Perspektif Hasan Kâfi el-Akhisârî**

Jihad dan pentadbiran tentera dari kaca mata Hasan Kâfi el-Akhisârî umumnya dibina berlandaskan ayat-ayat suci al-Qur'an, al-Sunnah dan kata-kata hikmah para ulama dan hukama. Selain itu, beliau juga ada memetik mutiara kata dari tokoh-tokoh lampau dan pemimpin agung terdahulu seperti Luqman *al-Hakim* dan Khosrow I yang bernama Anushirwan, raja empayar Sasan antara 531-579 masihi yang terkenal dengan keadilan sehingga digelar sebagai '*the just*'.

Jihad menurut pendapat Hasan merupakan suatu metode menyebarkan keadilan Islam ke seluruh dunia. Melalui mandat ilahi yang diberikan kepada seorang sultan yang dianggap *Nizam al-<sup>c</sup>Alam* (sistem atau undang-undang Alam), Islam berserta konsep keadilan dan kebijaksanaan dalam mentadbir bumi yang dibawanya akan berjaya dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Hasan Kâfi berkata bahawa terjadi banyak kepincangan dalam wilayah kerajaan Osmanlı pada tahun 1595 (iaitu tahun karya ini ditulis) yang menandakan wujudnya kesilapan dan kekurangan dalam institusi pentadbirannya. Beliau berpendapat kesilapan dan kekurangan dalam institusi ini mula dilihat sekitar tahun 1580 iaitu sewaktu Sultan Murad III memerintah. (Hasan Kâfi, 1986: 18; Muhammad <sup>c</sup>Akif Aydin et. al, 1999: 48) Sehubungan itu, beliau dilihat begitu menekankan kewajipan seseorang sultan yang dilantik untuk melaksanakan keadilan Islam, selain seharusnya menyerahkan tugas dan amanah kepada orang-orang yang berkemampuan melaksanakannya. Ini kerana menurut beliau, melaksanakan keadilan adalah penting bagi menarik rakyat supaya kekal mentaati perintah sultan. (Hasan Kâfi, 1986: 22) Begitu juga

kedudukan seorang *vezir* (menteri) sangat penting bagi membantu mengekalkan keutuhan institusinya. (Hasan Kâfi, 1986: 24)

Sebelum memutuskan keputusan besar terutama sekali yang melibatkan kepentingan umum, tidak seharusnya sultan membelakangi syura dan pandangan-pandangan ulama. Oleh itu, menjadi satu kewajipan sultan untuk mementingkan pandangan kolektif dan sentiasa mendampingi para ulama. (Hasan Kâfi, 1986: 25, 28-30) Kuasa rakyat juga tidak seharusnya diperkecilkan. Kerana itu, menjadi suatu kemestian agar mereka dilayan dengan baik dan belas kasihan tanpa membezakan antara mereka (*double standard*). Berkenaan ini, Hasan Kâfi menegaskan:

ولا بد للملك أن يكون مبسوط اليد، فإن الخلق لا يتبعه إلا لغرض دنيوي، ولا يكون إنعامه وإحسانه  
مخصوصا بطائفة ...

Maksudnya: “Tidak dapat tidak bagi seorang raja itu agar menjadi seorang yang pemurah, sesungguhnya semua rakyat itu tidak akan setia kepadanya kecuali atas tujuan duniawi. Begitu juga seharusnya kemurahan raja dan kebajikannya tidak hanya dikhususkan kepada suatu kumpulan tertentu sahaja...”. (Hasan Kâfi, 1986: 25)

Begitu juga, seorang sultan perlu bersikap lemah lembut dan menghormati teman-teman seperjuangan ayahandanya (sultan sebelumnya) dengan tidak terburu-buru mendahulukan orang-orang yang lebih muda dari mereka untuk sesuatu tugas agar mereka tidak menyimpan perasaan buruk terhadapnya. (Hasan Kâfi, 1986: 26-27)

Khususnya berkenaan persiapan tentera pula, Hasan Kâfi menekankan pentingnya melakukan pemantauan kesiapsiagaan tentera tidak kira dari sudut bilangan atau kelengkapan persenjataan secara berkala. Begitu juga beliau mencadangkan agar pihak tentera Osmanlı sentiasa mengikuti perkembangan teknologi persenjataan pihak musuh. Ia bagi mengelakkan tentera Islam ketinggalan dari menggunakan kelengkapan persenjataan moden seperti senapang dan sebagainya. Beliau menceritakan:

وقد جربنا في ديارنا من خمسين سنة أن أعداءنا من أهل الحرب، كلما اخترعوا نوعا من الأسلحة واستعملوه،  
غلبوا علينا ثم إذا اتخذنا مثله واستعملناه غلبنا عليهم ...

Maksudnya: Pernah terjadi di wilayah kami kira-kira 50 tahun yang lalu, musuh-musuh kami dari kalangan *ahl al-Harb* (tentera negara kafir) setiap kali mencipta sejenis senjata (baharu) dan menggunakannya, mereka akan memenangi kami. Kemudian apabila kami mencipta seperti (iaitu senjata baharu tersebut) dan menggunakannya, pasti kami memenangi mereka ...

Berdasarkan tahun yang diberikan, dianggarkan hal ini berlaku pada zaman kegemilangan Osmanlı ketika berada di bawah pemerintahan Sultan Suleyman

Kanuni antara 1520-1566. Akan tetapi menurut Hasan Kâfi, tentera Osmanlı pada pemerintahan zaman Sultan Murad III dan Sultan Mehmed III telah leka dari strategi penting ini. Malah mereka juga sering kali mengabaikan penggunaan kelengkapan persenjataan tradisional secara lengkap, menjadikan kelemahan mereka sering terdedah kepada pihak musuh. (Hasan Kâfi, 1986: 31-33) Hasan Kâfi berpendapat jika sultan perlu masuk ke medan perang, baginda seharusnya tidak meninggalkan panjinya selain harus sentiasa bertukar pakaian bagi mengaburi musuh. Akhir sekali, pemimpin tentera perlu sentiasa memupuk sifat sabar, *thabat* (teguh) dan berani dalam hati anggotanya di samping sentiasa berpesan-pesan dan saling memperingati antara mereka. (Hasan Kâfi, 1986: 33-34)

Walau bagaimanapun, Hasan Kâfi dilihat lebih menekankan soal keimanan dan kekuatan jiwa setiap tentera itu berbanding sistem dan keupayaan ketenteraan yang dimiliki mereka sebagai faktor kejayaan sesuatu operasi. Hal ini kerana beliau, seperti yang telah diajarkan oleh Islam, melihat bahawa setiap kejayaan operasi ketenteraan itu berhubung rapat dengan pertolongan dari Allah s.w.t. Sehubungan itu dalam *al-Asl al-Rabi'* (Usul ke-4) menggandingkan kejayaan (الظفر) dengan pertolongan ilahi (العون). Beliau berkata:

في أسباب الظفر والعون من الله تعالى ... العمدة فيها الصلاح والتقوى في العسكر

Maksudnya: “Faktor-faktor kemenangan dan pertolongan dari Allah ta'ala ... teras kedua-duanya adalah kebaikan dan ketaqwaan dalam diri tentera”

kemudian membacakan beberapa petikan ayat al-Quran bagi mengukuhkan pandangan tersebut. (Hasan Kâfi, 1986: 35) Sebagai lawan kepada kedua-dua faktor di atas *الصلاح* dan *التقوى*, Hasan Kâfi meletakkan *العصيان* dan *البغي* sebagai faktor kekalahan dan kegagalan sesuatu operasi itu selain beberapa faktor yang lain seperti ketamakan kepada harta tanpa membezakan antara haram dan halal dan berlengah-lengah dari merebut peluang keemasan. (Hasan Kâfi, 1986: 37) Akhir sekali dalam isu perjanjian damai dan gencatan senjata, Hasan Kâfi melihat ia sebagai suatu yang baik, dan memerangi orang yang meminta perlindungan dan perjanjian damai merupakan salah satu kesalahan terbesar bagi seorang ketua tentera. Hal ini sesuai dengan pendekatan sultan-sultan Osmanlı terdahulu yang menjadikan operasi ketenteraan sebagai salah satu cara menyampaikan dakwah “*حَتَّى يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ*” seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

### 3.4 Kritikan Terhadap Gerakan Ketenteraan Osmanlı

Tidak dinafikan dalam perang Eger dan Mezökeresztes, Hasan Kâfi menzahirkan rasa kagum beliau terhadap kejayaan tentera Osmanlı dan kemenangan gemilang mereka dengan merekodkan peristiwa tersebut dalam karyanya berjudul *أكرى ملحمة سي تاريخچه* (maksudnya: Sejarah Perang Eger). Walau bagaimanapun, ia tidak semestinya bermaksud kegusaran beliau terhadap kelemahan institusi pentadbiran dan kemerosotan pengaruh Osmanlı telah hilang. (Novan, 1986: 5) Kerana itu,

Hasan Kâfi telah mengambil pendekatan menasihati dan memperingatkan sultan dan ketua tentera Osmanlı agar segera melakukan perubahan dan memperbaiki kekurangan yang wujud. Berkenaan hal ini, beliau berkata:

وإذا وقع شيء من هذا العلامات -أي علامات إدبار الدولة- من الملك أو ظهر في ملكه، يجب على الوزراء والعلماء إخباره في الحال، وعلى السلطان دفعه وتداركه بلا إهمال. وإلا بعد التوجه والهجوم، قلما يمكن دفع الهموم

Maksudnya: Jika terjadinya salah satu dari tanda-tanda ini (iaitu tanda-tanda runtuhnya kerajaan) pada raja atau kerajaannya, menjadi kewajiban para menteri dan ulama menyampaikannya kepada sultan saat itu juga. Sultan pula seharusnya membuang (tanda-tanda tersebut) dan memperbaikinya tanpa bertangguh. Jika tidak, setelah bersemuka dan menyerang, tidak mungkin sekali-kali boleh menolak kemungkinan kesedihan selepas itu. (Hasan Kâfi, 1986: 27)

Di samping membentangkan cara mentadbir dan mengelola pasukan bersenjata seperti yang digariskan Islam, Hasan Kâfi turut menyelitkan beberapa kritikan berkenaan kesilapan dan kelemahan yang berlaku dalam metode pentadbiran kerajaan Osmanlı. Kritikan yang dilemparkan antaranya adalah sultan Osmanlı mula mengabaikan tanggungjawab keadilan dan sistem pemerintahan yang baik kerana mempertanggungjawabkan orang yang tidak berkelayakan menerima tanggungjawab itu. Dengan kenyataan ini, Hasan Kâfi mengkritik metode pentadbiran Sultan Murad III (bapa Sultan Mehmed III) yang pincang dan kejam sehingga mengakibatkan berlakunya ketidakstabilan dalam perlantikan pimpinan *sadrizam*. Hasilnya, sepanjang 12 tahun tempoh pemerintahannya (1574-1595), sejarah menyaksikan pertukaran *sadrizam* secara kerap (iaitu sebanyak 12 kali) akibat persaingan pengaruh yang terjadi antara mereka.

Dalam tempoh tersebut, *sadrizam* yang dilantik adalah seorang yang tidak jujur dan korup. Sebagai contoh, buku-buku sejarah telah merekodkan bahawa *Sadrizam* Koca Sinan Paşa telah 'menjual' jawatan dalam institusi kerajaan dan tentera, selain menyeleweng perbendaharaan negara sehingga mengakibatkan kejatuhan nilai *akçe*, mata wang Osmanlı semasa menjawat jawatan *sadrizam* untuk kali kedua pada tahun 1589-1591.<sup>5</sup> (Muhammad Farid-beg, 1981: 267) Episod perebutan kuasa yang lama dan merugikan kerajaan Osmanlı ini bermula dengan kekejaman Sultan Murad III yang berkomplot dengan pembesar-pembesar lain untuk menyingkirkan dan membunuh *Sadrizam* Sokollu Mehmed Paşa yang

---

<sup>5</sup> Menurut Yılmaz, kejatuhan nilai *akçe* (mata wang perak Osmanlı) berlaku kerana kadar matawang tersebut telah dikurangkan sedikit demi sedikit sehingga mencecah 50% berat asalnya. (Yılmaz Öztuna, 1988, Jil. 1: 428) Di peringkat awal nilainya dikurangkan iaitu semasa pemerintahan Kanijeli Siyavuş Paşa sebagai *sadrizam* untuk kali kedua pada tahun 1586-1589, tindakan ini merupakan suatu kaedah bagi mengurangkan belanjawan negara membayar gaji bilangan tentera yang meningkat secara mendadak, (Ahmad °Abd al-Rahim, 1986: 137) namun kemudiannya bertukar menjadi suatu bentuk penyelewengan yang berterusan sehingga zaman moden Turki. (Yılmaz Öztuna, 1988, Jil. 1: 428)

memerintah semenjak zaman Sultan Selim II lagi. Konspirasi ini dilaksanakan pada tanggal 12 Oktober 1579 sewaktu *Sadrazam* Sokollu keluar dari *Divan-ı Hümâyûn* (Sidang Kabinet Osmanlı). Ia dikatakan berpunca dari rasa tidak puas hati Sultan dan para pembesar Osmanlı terhadap kebijaksanaan *Sadrazam* di samping bentuk pemerintahannya yang bersifat diktator. (Yılmaz Öztuna, 1988, Jil. 1: 426; al-Salabi, 2001: 293)

Selain itu, Hasan Kâfi turut mengkritik skuad tentera Yeñiçeri yang hilang moral dan tidak takut kepada sultan. (Hasan Kâfi, 1986: 19) Isu ini terjadi antaranya ketika pemerintahan Sultan Selim II (1566-1574) yang suka meminum minuman keras sehingga tabiat buruk tersebut menjadi kebiasaan anggota tentera terutamanya Yeñiçeri. Ia mengakibatkan apabila Sultan Murad III mengeluarkan kenyataan larangan meminum arak pada tahun 1574, skuad ini memberontak sehingga Sultan terpaksa meringankan larangan tersebut kepada kadar yang tidak memabukkan. (al-Salabi, 2001: 292; Muhammad Farid-beg, 1981: 259) Selain asyik mengamalkan tabiat buruk tersebut, pasukan infantri elit ini juga mula kehilangan disiplin apabila berani melarikan diri dari medan perang apabila menemui kekalahan dalam operasi kecil-kecilan di persempadanan Jerman 1592. Sebilangan mereka telah bertindak menceroboh penempatan umat Islam di *Eyalet* Bosnia, merompak harta benda dan mengganggu wanita dan kanak-kanak mereka. (Hasan Kâfi, 1986: 31, 36-37)

Lebih melampau apabila ada di kalangan tentera Osmanlı dan pemimpin-pemimpinnya yang memaksa orang awam menggantikan tempat mereka dalam peperangan. Menurut Hasan Kâfi, ia berlaku selama beberapa tahun bermula 1592, (Hasan Kâfi, 1986: 21) iaitu semasa tentera Jerman (*Duchy of Styria*) giat melancarkan serangan ke atas tentera Osmanlı di persempadanan *Eyalet* Bosnia,<sup>6</sup> antaranya berdekatan sungai Kupa (kira-kira 50 km di selatan Zagreb) pada tahun 1593. (Yılmaz Öztuna, 1988, Jil. 1: 422) Memandangkan sektor ketenteraan merupakan antara aspek yang paling dititik beratkan dalam kerajaan Osmanlı, maka kelemahan sektor ini dilihat begitu signifikan sebagai titik permulaan yang menyebabkan lemahnya empayar Islam Osmanlı.

#### **4. Kesimpulan**

Tidak dinafikan bahawa gerakan ketenteraan Osmanlı bertitik tolak dari pada tanggungjawab Jihad yang telah diperintahkan Allah s.a.w dalam al-Quran. Benarlah gerakan ini tidak dijalankan kecuali untuk menyebarluaskan agama Islam ke serata dunia. Walaupun mempunyai pelbagai kelemahan dan kekurangan sehingga membuka ruang bagi sebilangan orientalis untuk melontarkan pelbagai toman terhadapnya, namun tiada fakta yang menunjukkan agama Islam telah dipaksa ke atas penduduk Kristian yang kalah dalam peperangan. Sehubungan itu,

---

<sup>6</sup> *Eyalet* Bosnia atau dalam Bahasa Turki *Eyalet-i Bosna* merupakan salah satu dari *eyalat* (wilayah, juga dikenali sebagai *beglerbeglik*) utama kerajaan Osmanlı di Eropah setelah berpisah dengan *eyalet* Rumelia pada 1580. (Selcuk Aksin Somel, 2012: 85) Ia mencangkupi sebahagian besar Bosnia-Herzegovina pada hari ini, Croatia, Kosovo dan Montenegro.

seorang sejarawan barat, T.W. Arnold (1896: 114-115) menegaskan: “*Of forced conversion or anything like persecution in the early days of the Arab conquest, we hear nothing. Indeed, it was probably in a great measure their tolerant attitude towards the Christian religion that facilitated their rapid acquisition of the country*”. Pandangan yang sama turut didengari dari De Lacy O’Leary (1923: 8) yang menulis: “*History makes it clear, however, that the legend of fanatical Muslims sweeping through the world and forcing Islam at the point of the sword upon conquered races, is one of the most fantastically absurd myths that historians have ever repeated*”.

Berdasarkan penelitian, dapat dirumuskan bahawa Hasan Kâfi merupakan ulama Bosnia era pertengahan yang terbilang. Beliau sememangnya merupakan seorang tokoh yang amanah dan sangat setia kepada pemerintahan Islam walaupun telah melihat bibit-bibit kerosakan yang berlaku. Tidak dinafikan atas beberapa faktor, kerosakan dalaman akibat perubahan sikap pemerintah dan tentera telah membuatkan prestasi kerajaan Osmanlı semakin menurun. Kerana sifat terpuji Hasan Kâfi, beliau berusaha untuk menasihati barisan kepimpinan agar mengambil tindakan proaktif sebelum terlambat. Akibat suara beliau tidak begitu diambil peduli oleh pihak pemerintah, Hasan Kâfi telah beruzlah (mengasingkan diri) dengan membina penempatan sendiri dan berusaha menyebarkan ilmu pengetahuan dan membentuk komuniti yang lebih baik setakat kemampuannya.

## Rujukan

- Abu Muhammad. Ramadan Ahmad °Ali Muhammad. 2000. *Tanbih al-Wahim °Ala Ma Ja’ fi Mustadrak al-Hakim*. Al-Riyad: Maktabat al-Tawbah.
- Ahmad °Abd al-Rahim Mustafa. 1986. *Fi Usul al-Tarikh al-°Uthmani*. Cet. 2. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- Ali Akbar Dija’i. 2009. *Azhar al-Rawdat fi Sharh Rawdat al-Jannat: Dirasah wa Tahqiq*. Tesis Dr. Fal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ante Čuvalo.
2010. *The A to Z of Bosnia and Herzegovina*. Lanham: The Scarecrow Press Inc.
- De Lacy O’leary, D.D. 1923. *Islam at the Cross Roads*. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd.
- Dudung Abdurrahman. 1999. *Metode Penelitian Sejarah*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Haji Khalifah. Mustafa ibn °Abd Allah. 1941. *Kashf al-Zunun °an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-°Arabi.
- Hasan °Uthman. t.th. *Manhaj al-Bahth al-Tarikh*. Kaherah: Dar al-Ma°arif.
- Ibrahim Mustafa et. al, 2004, *al-Mu°jam al-Wasit*, Cet. 4, al-Qahirah: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, hlm. 142.
- Mehmet Maksudoglu, 1999. *Osmanlı History 1289-1922 Based on Osmanlı Sources*, Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Muhammad °Akif Aydin, Kamel Bekdilli, Faridun Amajan, Akmal al-Din Ihsan Ođli, Mehmet Ibshirli, Mubahat Kotok Ođli, °Abd al-Qadir Uzjan & Baha’ al-Din Yadi Yildiz. 1999. *Al-Dawlah al-°Uthmaniyyah Tarikh wa Hadarah*. Terj. Salih Sa°dawi. Istanbul: Yıldız Yayıncılık, Reklamcılık, Ticaret ve Sanayi A.Ş.

- Muhammad Farid-beg. 1981. *Tarikh al-Dawlah al-‘Aliyyah al-‘Uthmaniyyah*. Bayrut: Dar al-Nafa’is.
- Muhammad Harb. 1994. *Al-‘Uthmaniyyun fi al-Tarikh wa al-Hadarah*. Al-Qahirah: al-Markaz al-Misri li al-Dirasat al-‘Uthmaniyyah wa Buhuth al-‘Alam al-Turki.
- Novan Raja al-Hammud. 1986. *Tahqiq Usul al-Hikam fi Nizam al-‘Alam*. ‘Amman: Publication of the University of Jordan.
- S. Mostras. 2002. *Al-Mu‘jam al-Jughrafi li al-Ambaraturiyyah al-‘Uthmaniyyah*. Terj. ‘Isam Muhammad al-Shadat. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Salabi. Ali Muhammad. 2001. *Al-Dawlah al-‘Uthmaniyyah ‘Awamil al-Nuhud wa Asbab al-Suqut*. Bursa‘id: Dar al-Tawzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Selcuk Aksin Somel. 2012. *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*. Cet. 2. Lanham: The Scarecrow Press Inc.
- T.W. Arnold. 1896. *The Preaching of Islam: A History of The Propagation of The Muslim Faith*. Westminster: Archibald Constable & Co.
- Al-Wahidi. Abu al-Hasan ‘Ali ibn Ahmad. 1992. *Asbab al-Nuzul*. Tahqiq ‘Isam ibn ‘Abd al-Muhsin al-Hamidan. Al-Dammam: Dar al-Islah.
- Yilmaz Öztuna. 1988. *Tarikh al-Dawlah al-‘Uthmaniyyah*. Terj. ‘Adnan Mahmud Salman. Istanbul: Mu’assasat Faysal li al-Tamwil.

**Lampiran**

Gambar masjid yang terletak di bawah kubah yang sama dengan maqam Hasan Kâfi di Prusac, Bosnia-Herzegovina



**Sumber:** <https://radiosarajevo.ba/metromahala teme/najznamenitiji-ucio-je-studente-kako-se-promislja-i-misli/241329#lg=1&slide=6>